

AKAUN HLB WALLET-i: (“HLB WALLET-i”)

SOALAN LAZIM

Kemaskini terakhir: 6 Jun 2023

No	Soalan	Jawapan
Untuk Dewasa dan Minor		
1	Siapakah yang boleh memohon HLB Wallet-i?	<p>Berikut adalah syarat-syarat kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Warganegara Malaysia yang mempunyai kad pengenalan• Berumur 12 tahun dan ke atas• Pelanggan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) yang baru atau sedia ada <p>Nota: Perkhidmatan ini tersedia 24/7 melalui Aplikasi HLB Connect.</p>
2	Apakah perbezaan HLB Wallet-i dengan e-dompet yang lain?	<p>E-dompet:</p> <ul style="list-style-type: none">• Dikeluarkan oleh Pengeluar E-Wang (bank dan bukan bank) yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia• Kad Debit-i mungkin tidak disertakan (bergantung kepada pengeluar)• Wang di dalam e-dompet TIDAK dilindungi PIDM <p>HLB Wallet-i:</p> <ul style="list-style-type: none">• Akaun bank dengan had asal yang ditetapkan oleh HLISB• Disertakan dengan Kad Debit-i Visa Hong Leong yang diiktiraf di peringkat global• Menyimpan Ringgit Malaysia dan 12 mata wang asing (HLB Wallet+ sahaja)• Wang di dalam HLB Wallet-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit
3	Apakah yang pelanggan dapat dengan memohon HLB Wallet-i?	<p>Untuk Pelanggan Baru (Dewasa):</p> <ul style="list-style-type: none">• Nombor Akaun HLB Wallet-i• Akses HLB Connect (Perbankan Internet dan Aplikasi)• Kad Debit-i Visa Hong Leong (Dikeluarkan secara automatik). Tiada bayaran pengeluaran dikenakan, namun bayaran tahunan sebanyak RM8 akan dikenakan bermula tahun ke-2. <p>Untuk Pelanggan Baru (Minor):</p> <ul style="list-style-type: none">• Nombor Akaun HLB Wallet-i• Akses Aplikasi HLB Connect• Kad Debit-i Visa Hong Leong (Permohonan diperlukan). Minor (berumur 12 hingga 17 tahun) perlu hadir ke mana-mana cawangan HLISB/Hong Leong Bank (“HLB”) bersama ibu atau bapa dengan

		<p>bukti hubungan mereka, termasuk salinan asal sijil lahir. Tiada bayaran pengeluaran dikenakan, namun bayaran tahunan sebanyak RM8 akan dikenakan bermula tahun ke-2.</p> <p>Untuk Pelanggan Sedia Ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Nombor Akaun HLB Wallet-i dan ia akan dihubungkan dengan HLB Connect mereka yang sedia ada.
4	Apakah kelebihan memilih HLB Wallet-i berbanding produk deposit HLISB yang lain?	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan permohonan, pelanggan boleh memohon melalui Aplikasi HLB Connect 24/7 Pulangan tunai segera untuk pembayaran digital terpilih di HLB Connect iaitu pindahan dana, pembayaran QR Pay kepada perniagaan, bayaran bil dan tambah nilai prabayar. Ketenangan fikiran dengan had baki tetap sebanyak RM4,999 (untuk Dewasa) dan RM2,500 (untuk Minor). Pengguna dewasa yang terpilih boleh menaik taraf kepada HLB Wallet+ melalui HLB Connect untuk akaun tanpa had. Pelanggan HLB Wallet+ akan mempunyai akses kepada ciri pelbagai mata wang yang membolehkan mereka untuk membeli dan menjual sehingga 12 mata wang asing melalui HLB Connect (Perbankan Internet dan Aplikasi) dan berbelanja dalam mata wang asing menggunakan Kad Debit-i Visa Hong Leong. <p>Sila rujuk kepada Terma dan Syarat untuk maklumat lanjut tentang ganjaran pulangan tunai.</p>
5	Bolehkah pelanggan mengeluarkan wang tunai daripada mesin ATM HLB?	<p>Ya. Pelanggan HLB Wallet-i (Dewasa) dan HLB Wallet+ (Dewasa) boleh mengeluarkan wang tunai daripada mana-mana mesin ATM HLB menggunakan Kad Debit-i Visa Hong Leong mereka atau menggunakan ciri Pengeluaran Tanpa Kad tanpa sebarang kos.</p> <p>Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh menggunakan Kad Debit-i Visa Hong Leong mereka untuk mengeluarkan wang tunai daripada mana-mana mesin ATM selain HLISB/HLB. Bayaran RM1 akan dikenakan.</p> <p>PENTING: Pengeluaran ATM tidak terpakai kepada Minor.</p>
6	Apa lagi yang boleh saya lakukan dengan HLB Wallet-i	<p>HLB Wallet-i membenarkan anda membuat pembayaran digital dengan mudah melalui HLB Connect:</p> <ul style="list-style-type: none"> Lakukan pindahan dana ke akaun bank sendiri atau akaun bank lain Lakukan pembayaran menggunakan QR Pay Bayar bil anda dan lakukan tambah nilai prabayar Akses kepada ribuan pengebil JomPay Beli mata wang asing (HLB Wallet+ sahaja)
7	Bagaimanakah cara untuk saya membuat deposit permulaan ke dalam HLB Wallet-i?	<ul style="list-style-type: none"> Pindahan dana daripada akaun bank lain atas nama anda sendiri

		<ul style="list-style-type: none"> • Untuk Minor, ibu bapa anda perlu membantu anda melaksanakan pindahan dana daripada akaun bank mereka. 		
8	Bolehkah saya men deposit/tambah nilai/mengisi semula HLB Wallet-i saya dengan Kad Kredit?	<p>Tidak. Berikut merupakan cara-cara untuk men deposit/tambah nilai/mengisi semula HLB Wallet-i anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pindahan daripada HLB Connect atau ATM • Pindahan daripada Bank lain 		
9	Bolehkah saya menutup HLB Wallet-i saya?	Ya, anda boleh membuat penutupan akaun di mana-mana cawangan HLISB/HLB.		
10	Siapakah yang saya perlu hubungi sekiranya saya mengesan sebarang penipuan atau transaksi tanpa kebenaran daripada HLB Wallet-i atau Kad Debit-i Hong Leong saya?	Sila hubungi pihak Bank dengan segera di talian +603 7626 8899, sekiranya anda berhadapan dengan sebarang transaksi yang mencurigakan.		
11	Adakah terdapat sebarang caj untuk menggunakan HLB Wallet-i?	Tiada, perkhidmatan ini adalah percuma.		
12	Adakah saya akan mendapat keuntungan daripada HLB Wallet-i?	Tidak, HLB Wallet-i tidak memberi sebarang keuntungan.		
13	Apakah mata wang yang boleh saya gunakan dalam HLB Wallet+?	<p>Mata wang asal bagi HLB Wallet+ ialah Ringgit Malaysia.</p> <p>Selain itu, anda juga boleh menyimpan sehingga 12 mata wang asing dengan ciri pelbagai mata wang seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="902 997 2000 1249"> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Dolar Singapura (SGD) • Dolar New Zealand (NZD) • Dolar Hong Kong (HKD) • Dolar AS (USD) • Dolar Australia (AUD) • Riyal Arab Saudi (SAR) </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Renminbi China (CNH) • Baht Thailand (THB) • Euro (EUR) • Paun Sterling (GBP) • Dolar Canada (CAD) • Yen Jepun (JPY) </td> </tr> </table> <p>PENTING: Ciri pelbagai mata wang tidak tersedia untuk Minor dan HLB Wallet-i. Hanya HLB Wallet+ yang mempunyai ciri pelbagai mata wang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dolar Singapura (SGD) • Dolar New Zealand (NZD) • Dolar Hong Kong (HKD) • Dolar AS (USD) • Dolar Australia (AUD) • Riyal Arab Saudi (SAR) 	<ul style="list-style-type: none"> • Renminbi China (CNH) • Baht Thailand (THB) • Euro (EUR) • Paun Sterling (GBP) • Dolar Canada (CAD) • Yen Jepun (JPY)
<ul style="list-style-type: none"> • Dolar Singapura (SGD) • Dolar New Zealand (NZD) • Dolar Hong Kong (HKD) • Dolar AS (USD) • Dolar Australia (AUD) • Riyal Arab Saudi (SAR) 	<ul style="list-style-type: none"> • Renminbi China (CNH) • Baht Thailand (THB) • Euro (EUR) • Paun Sterling (GBP) • Dolar Canada (CAD) • Yen Jepun (JPY) 			
14	Adakah terdapat sebarang bayaran dikenakan untuk penutupan akaun awal?	Tiada bayaran dikenakan. Anda boleh melakukan penutupan akaun dengan melawati mana-mana cawangan HLISB/HLB.		

15	Saya adalah pengguna HLB Connect sedia ada. Bolehkah saya memohon HLB Wallet-i?	Ya, anda boleh. HLB Wallet-i anda akan dihubungkan secara automatik kepada HLB Connect sedia ada anda . Anda juga boleh mengeluarkan wang tunai daripada Terminal Layan Diri (ATM/CRT) kami menggunakan Kad Debit-i Visa Hong Leong sedia ada anda.
16	Apakah yang akan berlaku kepada HLB Wallet-i saya yang tidak aktif?	HLB Wallet-i anda akan ditutup secara automatik selepas 90 hari jika tiada aktiviti kewangan selepas tarikh pembukaan akaun.
Untuk Minor (pelanggan berumur 12 hingga 17 tahun)		
17	Saya berumur 15 tahun, bagaimanakah cara untuk saya memohon HLB Wallet-i?	Sebaik sahaja anda mendapat kebenaran daripada ibu bapa anda, anda boleh memohon HLB Wallet-i secara digital melalui Aplikasi HLB Connect dengan langkah mudah berikut: 1) Muat turun Aplikasi HLB Connect; 2) Klik pada "Apply HLB Wallet" dan anda akan dibawa ke aplikasi Apply@HLB; dan 3) Lengkapkan permohonan akaun.
18	Ibu bapa saya tidak membenarkan saya membuka akaun, bolehkah rakan saya yang berumur 25 tahun membantu saya?	Tidak, hanya ibu bapa anda sahaja yang boleh membantu mengaktifkan akaun anda.
19	Apakah yang anda maksudkan dengan "mendapatkan kebenaran ibu bapa"?	Sebelum anda memohon HLB Wallet-i, anda perlu memaklumkan kepada ibu bapa anda beserta kebenaran mereka untuk melengkapkan permohonan akaun anda.
20	Adakah saya perlu memberikan butiran ibu atau ayah saya semasa mengisi permohonan?	Ya, anda perlu memberikan sama ada butiran ibu ATAU ayah anda. Ibu bapa anda akan dimaklumkan melalui e-mel dan anda memerlukan bantuan ibu bapa anda untuk mengaktifkan HLB Wallet-i anda dengan membuat deposit permulaan. Bank juga boleh menghubungi ibu bapa anda untuk tujuan pengesahan.
21	Bagaimanakah ibu bapa saya boleh membuat deposit ke dalam HLB Wallet-i saya?	Ibu bapa anda perlu membuat pindahan dana daripada akaun bank mereka ke akaun HLB Wallet-i anda. Anda akan menerima butiran akaun anda setelah permohonan anda diluluskan.
22	Bagaimanakah cara untuk saya memohon Kad Debit-i Visa Hong Leong?	, Anda perlu hadir ke mana-mana cawangan HLISB/HLB bersama ibu bapa anda untuk memohon Kad Debit-i Visa Hong Leong. Sila ingatkan ibu bapa anda untuk membawa bersama kad pengenalan mereka dan sijil kelahiran asal anda.
23	Apa yang saya boleh lakukan dengan Kad Debit-i Visa Hong Leong saya?	Nikmati kemudahan pembayaran tanpa tunai melalui:

		<ul style="list-style-type: none"> • Bayar barangan di kedai (pembelian runcit) dengan had harian RM200; dan • Bayar barangan dalam talian (pembelian dalam talian) dengan had harian RM200. <p>Untuk butiran tentang had perbelanjaan harian maksimum, sila rujuk perkara 26 di bawah.</p>
24	Bolehkah saya mengeluarkan wang tunai dengan Kad Debit-i Visa Hong Leong saya?	Tidak. Anda dinasihatkan untuk melakukan pembayaran tanpa tunai untuk pembayaran yang lebih selamat. Selain itu, anda boleh memantau perbelanjaan anda melalui Aplikasi HLB Connect.
25	Apakah lagi yang boleh saya lakukan dengan Aplikasi HLB Connect?	<p>Alami kemudahan perbankan mudah alih dan dapatkan pulangan tunai segera apabila anda melakukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran menggunakan QR Pay • Pindahan dana • Pembayaran bil • Tambah nilai prabayar <p>Sila rujuk kepada Terma dan Syarat untuk maklumat lanjut tentang ganjaran pulangan tunai.</p>
26	Adakah terdapat sebarang had yang ditetapkan pada HLB Wallet-i saya?	<p>Nilai maksimum yang anda boleh simpan di dalam HLB Wallet-i anda ialah RM2,500.</p> <p>Sebagai keselamatan tambahan, had perbelanjaan harian maksimum anda juga dihadkan kepada RM600, seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM200 untuk pembayaran dalam talian dan pindahan dana melalui Aplikasi HLB Connect (termasuk QR Pay, pembayaran bil dan tambah nilai prabayar); • RM200 untuk pembelian runcit dengan Kad Debit-i; dan • RM200 untuk pembelian dalam talian dengan Kad Debit-i.

Ahli PIDM. HLB Wallet-i dan HLB Wallet+ dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Soalan Lazim ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.